

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN JUWAIRIYA BINTI ZULKIFLI
(N10 BUKIT MELAWATI)**

TAJUK : PUSAT SANTUARI KELIP-KELIP KG KUANTAN

1. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
 - a) Adakah terdapat kajian baharu bagi kelangsungan hidup habitat kelip-kelip di Kg Kuantan? Sila huraikan kajian dan dapatan tersebut.
 - b) Berapakah jumlah pelaburan bagi pemuliharaan serta konservasi habitat kelip-kelip dan pelancongan bagi menggalakkan kedatangan pelancong?

JAWAPAN:

- a) FRIM merupakan satu agensi yang bertanggungjawab untuk memantau populasi kelip-kelip setiap bulan dengan menggunakan kaedah fotografi malam yang mesra alam di tujuh lokasi merangkumi 1.6 kilometer sepanjang Sungai Selangor antara Tanjung Labak dan Kampung Sepakat di kawasan yang telah diwartakan seluas lebih 1000 hektar di sepanjang Sungai Selangor sebagai zon perlindungan kelip-kelip pada 2009.

Berikut tindakan ini, di peringkat Majlis Daerah Kuala Selangor bagi memastikan kelangsungan habitat kelip-kelip sentiasa terpelihara adalah dengan menggalakkan aktiviti Tanggungjawab Sosial Korporat daripada pelbagai pihak secara sukarela yang ingin menyumbang tenaga dan masa mereka dalam aktiviti seperti penanaman semula pokok serta pembersihan sungai secara berterusan kerana komposisi tumbuhan di Kampung Kuantan perlu diperkayakan dengan penanaman lebih banyak pokok seperti pokok sagu, berembang dan nipah untuk memastikan kelestarian populasi kelip-kelip. Ianya merupakan satu inisiatif yang berterusan bagi memastikan habitat dan populasi kelip-kelip di Kampung Kuantan sentiasa terpelihara dari semasa ke semasa sekali gus memberi kesedaran kepada semua peringkat umur masa kini tentang kebaikan dan keperluan dalam menjaga flora dan fauna untuk kegunaan generasi akan datang.

Selain itu, usahasama antara MDKS dengan pihak Tenaga Nasional Berhad juga turut diperuntukkan sejumlah kos yang ditaja sepenuhnya oleh pihak TNB dengan tujuan utama untuk menjalankan pengajian khas berkaitan habitat kelip-kelip yang dilaksanakan sepenuhnya oleh pelajar daripada universiti tempatan yang mempunyai kepakaran untuk membantu memulihara populasi kelip-kelip melalui pemuliharaan ekosistem yang menyokong kitaran hidup kelip-kelip serta kelestarian sumber makanannya. Hasil dan dapatan yang

diperolehi bermula 2016 sehingga 2019 adalah tiada penurunan jumlah habitat kelip-kelip yang ketara kerana kitaran hidup kelip-kelip masih terkawal dengan keadaan persekitaran yang sentiasa terpelihara dengan baik.

- b) Tindakan dalam mengeluarkan kos dan peruntukan di peringkat Majlis Daerah Kuala Selangor bagi pemuliharaan habitat kelip-kelip adalah bergantung pada aktiviti Tanggungjawab Sosial Korporat yang dilaksanakan oleh semua pihak yang sukarela menyumbangkan tenaga, masa dan kos yang berkaitan. Pihak MDKS sentiasa menyokong aktiviti ini dengan memberi bantuan tambahan mengikut permohonan selaras dengan peruntukan pelancongan yang telah ditetapkan setiap tahun mengikut kemampuan PBT.

Sebagai PBT yang bertanggungjawab, Majlis Daerah Kuala Selangor telah mendapatkan sumbangan daripada Yayasan LBS dengan menandatangani perjanjian persefahaman pada 23 Februari 2019 dengan persetujuan tempoh kerjasama selama tiga tahun dengan jumlah sumbangan yang telah dipersetujui sebanyak RM3 juta khas untuk pembangunan Kelip-Kelip Kampung Kuantan. Pembangunan dua projek permulaan ialah pintu masuk dan kaunter tiket berserta sistem tiket atas talian telah selesai dilaksanakan sepenuhnya pada 25 Jun 2019. Ianya merupakan inisiatif MDKS untuk memastikan pusat pelancongan Santuari Kelip-Kelip Kampung Kuantan sentiasa menjadi tarikan pelancongan.

Selain itu, usahasama antara MDKS dengan pihak Tenaga Nasional Berhad juga turut diperuntukkan sejumlah kos yang ditaja sepenuhnya oleh pihak TNB sebanyak RM300,000.00 untuk membaik pulih dan selenggara semula Dewan Barembang Kelip-Kelip Kampung Kuantan iaitu pembangunan fasa pertama supaya segala kemudahan ditambahbaik dan memberi keselesaan kepada pengunjung sekali gus menggalakkan kedatangan pelancong ke Daerah Kuala Selangor.

Majlis Daerah Kuala Selangor juga dalam proses menyelenggara dan menjalankan pembangunan kemudahan infrastruktur yang lengkap bertaraf antarabangsa yang masih di peringkat dan fasa permulaan bagi memastikan pusat pelancongan sentiasa menjadi tarikan sehingga ke peringkat antarabangsa melalui pelaburan ke arah pembangunan dan promosi yang berterusan. Antara kawasan pembangunan yang terlibat adalah Pekan Lama Kuala Selangor, Bukit Melawati, Pantai Remis dengan cadangan bajet dan peruntukan yang telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Majlis Pelancongan Daerah Kuala Selangor pada 13 Ogos 2019 dipengerusikan oleh Yang Berhormat Datuk Abdul Rashid bin Asari, Pengurus Jawatankuasa Tetap Kebudayaan dan Pelancongan, Peradaban Melayu dan Warisan Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN JUWAIRIYA BINTI ZULKIFLI
(N10 BUKIT MELAWATI)**

TAJUK : PERUBAHAN IKLIM

2. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha Kerajaan Negeri dalam menangani perubahan iklim dan kesannya terhadap kehidupan manusia?

JAWAPAN:

SEKSYEN PIHAK BERKUASA TEMPATAN, UPEN

- a) Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebanyak 32 program telah dirancang sepanjang tahun 2019 dalam usaha Kerajaan Negeri untuk melestarikan alam sekitar dan menangani perubahan iklim dan pemanasan bumi. Selain itu, Kerajaan Negeri telah menyalurkan peruntukan kepada Pejabat Daerah/ Tanah dan Pihak Berkuasa Tempatan serta Agensi Kerajaan Negeri Selangor bagi melaksanakan program-program tersebut dengan kerjasama Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar, UPEN.

Antara program yang telah dijalankan adalah Program Pembersihan, Pemuliharaan Dan Pembangunan Sungai Sepang Besar 2019; Kempen Tanam Pokok Warisan Hutan Di Hutan Pendidikan Bkt Gasing dan Hutan Eko Rimba Kota Damansara; Penyediaan Kabin Kitar Semula Bandar Bukit Puchong; serta Program Kesedaran Penanaman Pokok Bakau dan Pokok Berembang Di Persisiran Pantai BNO.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga telah melaksanakan Program Tanam Pokok Dalam Bandar Negeri Selangor Bersama D.Y.M.M. Sultan Selangor dengan kerjasama Majlis Perbandaran Sepang (MPSepang) pada 21 Julai 2019 bertempat di Cyberjaya, Sepang dan sebanyak 4,500 pokok yang telah ditanam.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, kesan yang akan dialami dalam kehidupan manusia sekiranya perubahan iklim dan pemanasan bumi dapat ditangani adalah seperti corak cuaca yang baik dan kenaikan paras air laut mengikut paras yang betul. Bencana alam seperti taufan, kebakaran hutan dan kemarau tidak akan dialami sekiranya dapat dibendung oleh masyarakat. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri akan mempergiatkan usaha dan meneruskan usaha dalam menangani perubahan iklim dan kesannya terhadap alam sekitar.

JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SELANGOR

- a) Dalam usaha kerajaan Negeri dalam menangani perubahan iklim dan kesannya terhadap kehidupan manusia, Kerajaan Negeri telah menjalankan berbagai program di antaranya:-
- i. Melalui Majlis Bandaraya Shah Alam, Majlis Daerah Hulu Selangor dan Majlis Bandaraya Petaling Jaya adalah contoh Pihak Berkuasa Tempatan yang telah menganjurkan program Hari Tanpa Kenderaan dalam usaha untuk menangani isu pelepasan gas Hidrokarbon (HC) dan Karbon Monoksida (CO) ke atmosfera yang merupakan salah satu penyebab kepada pemanasan global yang kita hadapi kini. Sekaligus ia mengurangkan “Carbon Footprint” yang terhasil akibat pembakaran bahan api petrol atau diesel kenderaan tersebut.
 - ii. Selain daripada itu usaha Jabatan Alam Sekitar Selangor adalah melalui penguatkuasaan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 ke atas kenderaan bermotor diesel dan petrol bagi memastikan asap kenderaan bermotor tidak mengandungi gas Hidrokarbon (HC) dan Karbon Monoksida (CO) yang melebihi piawai yang ditetapkan. Penguatkuasaan Bersepadu bersama Jabatan Pengangkutan Jalan Selangor, Jabatan Imigresen, Agensi Anti Dadah Kebangsaan, Polis Diraja Malaysia telah diadakan pada 24 September 2019 di Puchong Perdana dan Operasi Kenderaan Diesel diantara JAS Selangor dan Peronda Lebuhraya Malaysia, Bukit Aman diadakan pada 22 Oktober 2019 untuk menguatkuasakan AKAS 1974.
 - iii. Pelepasan asap dari cerobong kilang industri dan kilang kelapa sawit juga dipantau melalui pelaporan pemantauan kualiti udara oleh industri dan juga sistem yang dipasang oleh kilang iaitu Continous Emission Monitoring System (CEMS).
 - iv. Pembakaran terbuka juga memberi kesan kepada perubahan iklim dan JAS sentiasa memantau aktiviti ini dan penguatkuasaan dijalankan sepanjang tahun dalam usaha mencegah pembakaran terbuka.
 - v. Program kesedaran alam sekitar juga sering membabitkan aktiviti penanaman pokok dan pemberian pokok sebagai cenderahati kepada peserta program dalam usaha menggalakkan masyarakat untuk menanam pokok dan sekaligus menangani masalah perubahan iklim. Contoh Program Kesedaran yang telah dijalankan adalah Hari Alam Sekitar Sedunia di Sekolah Kebangsaan Seksyen 27, Shah Alam pada 25 Julai 2019 yang melibatkan aktiviti penanaman pokok di sekitar sekolah yang bersebelahan dengan kilang industri.

- vi. Pelbagai aktiviti dan program lain melalui kerajaan dan NGO telah diadakan untuk menangani isu perubahan iklim. Contoh program yang dijalankan adalah Kempen Cintai Alam Sekitar anjuran syarikat Ecobio Pack Sdn Bhd dan NGO Pawana pada 26 Oktober 2019 di Subang Jaya yang menekankan amalan tiada penggunaan straw dan beg plastik semasa membeli belah.
- vii. Selain itu, pada tahun lepas, Kerajaan Negeri Selangor yang merupakan negeri pertama yang telah bekerjasama dengan Persatuan Arborist Malaysia bagi melaksanakan Kursus Pensijilan Arborist kepada semua PBT Negeri Selangor. Seramai 24 orang wakil daripada PBT telah mengikuti kursus ini dan usaha ini membuktikan Kerajaan Negeri komited dalam memastikan semua proses penanaman, pengurusan, penebangan dan pemuliharaan pokok yang dilaksanakan di peringkat PBT Negeri Selangor dilakukan dengan betul dan menggunakan standard antarabangsa.
- viii. Di samping itu juga, Kerajaan Negeri Selangor juga antara Negeri yang proaktif dalam melaksanakan usaha pengurangan pengeluaran karbon selaras dengan komitmen Kerajaan Malaysia di Persidangan Ke-21 Negara Parti (COP21) untuk mengurangkan intensiti pengeluaran karbon sebanyak 45 peratus menjelang tahun 2030 berbanding tahun 2009.
- ix. Kerajaan Negeri Selangor telah melancarkan dan melaksanakan Pelan Tindakan Teknologi Hijau Negeri Selangor 2016-2018. Pelan ini mengandungi 7 elemen tindakan utama yang memberi fokus kepada pengurangan emisi karbon, penggunaan tenaga, air dan sisa.
- x. 7 elemen utama tersebut adalah Perbandaran Hijau Melalui Kerangka Bandar Rendah Karbon (LCCF), Perolehan Hijau Kerajaan, Pemasangan Rangkaian Pengecas Kenderaan Elektrik, Penggunaan Bas Elektrik Bagi Program 'Bas Percuma' Di PBT, Pemasangan Bumbung Solar Bagi Projek Perumahan Selangorku, Bangunan Cekap Tenaga Di Bangunan Kerajaan Negeri Selangor dan Program Penghijauan Taman Industri.
- xi. Kerajaan Negeri mensasarkan semua PBT Negeri Selangor akan melaksanakan Kerangka Bandar Rendah Karbon (Low Carbon City Framework – LCCF) menjelang tahun 2020. Sehingga kini, 7 daripada 12 Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor telah menerimapakai Kerangka Bandar Rendah Karbon (LCCF) iaitu MBSA, MBPJ, MPSJ, MPAJ, MPK, MPKJ dan MPSP. Manakala PBT-PBT lain dalam sedang menyiapkan projek Kerangka Bandar Rendah Karbon mereka.

- xii. Selain itu, sebanyak 112 buah pengecas kenderaan elektrik telah dipasang di seluruh Negeri Selangor. Keadaan ini telah menjadikan Negeri Selangor sebagai Negeri yang mempunyai rangkaian pengecas kenderaan elektrik terbesar di Malaysia.
- xiii. Perkhidmatan percuma Bas Smart Selangor di seluruh Negeri Selangor juga merupakan inisiatif utama Kerajaan Negeri dalam menggalakkan penggunaan pengangkutan awam di kalangan masyarakat dan usaha ini juga dapat mengurangkan pengeluaran karbon di kawasan bandar.
- xiv. Bagi menggalakkan penggunaan produk dan peralatan yang mesra alam, lebih cekap tenaga dan mengurangkan penggunaan sumber air. Kerajaan Negeri telah melaksanakan projek pemasangan produk teknologi hijau di seluruh Negeri Selangor. Sehingga kini, Kerajaan Negeri telah memasang 21 Sistem Penuaian Air Hujan di Bangunan Kerajaan, 30 Projek Sistem Solar dan melaksanakan 11 projek bangunan cekap tenaga di bangunan Pejabat Tanah Daerah dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor.
- xv. Kerajaan Negeri telah melaksanakan Program Tanam Pokok Negeri Selangor Tahun pada tahun 2018 – 2019 Bersama Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Dan Duli Yang Maha Mulia Tengku Permaisuri Selangor Bersama Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor dan jumlah keseluruhan pokok yang ditanam adalah sebanyak **5,000 pokok**.

Segala usaha ini amatlah diharapkan dapat membantu Kerajaan Negeri dalam menangani isu perubahan iklim ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN
(N09 PERMATANG)**

TAJUK : KEJAYAAN PERTANIAN DI SELANGOR

3. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Hasil tanaman padi semakin merosot akibat keadaan cuaca yang tak menentu, apakah insentif Kerajaan Negeri bagi membantu pesawah bagi meringankan beban mereka?
- b) Adakah Kerajaan Negeri bersedia membantu memberikan subsidi khas bagi melestarikan sumbangan petani dan nelayan yang dihimpit masalah ekonomi keluarga?
- c) Keadaan tanah sawah sudah semakin tidak subur akibat penanaman yang berterusan, adakah Kerajaan Negeri telah mempunyai langkah bagi mengatasinya?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian menyediakan bantuan bagi tanaman padi sebanyak RM2.2 juta setahun. Bantuan diberi dalam bentuk tanaman padi secara transplanting menggunakan mesin, baja tambahan, baja organik, kawalan perosak dan bantuan jentera dan mesin. Bantuan ini boleh membantu mengurangkan kos pengeluaran petani dan meningkatkan hasil pengeluaran padi.
- b) Buat masa ini bantuan disediakan oleh Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian dan UPEN Sektoral (yang disalurkan kepada Jabatan Perikanan) bagi membantu mengurangkan kos pengeluaran. Kerajaan Persekutuan juga menyediakan subsidi baja padi dan subsidi harga padi kepada pesawah dan elauan sara hidup kepada nelayan.
- c) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian sedang menjalankan program pemulihan tanah sawah dengan menggunakan bahan-bahan organik. Pemulihan tanah sawah ini perlu dibuat disebabkan tanah sawah ini digunakan sepanjang masa dengan tanaman padi yang akhirnya menyebabkan produktiviti hasil merosot. Jabatan Pertanian telah membuat projek perintis di daerah Sabak Bernam dan akan dikembangkan ke seluruh kawasan penanaman padi yang mempunyai masalah tanah yang tidak subur.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN
(N09 PERMATANG)**

TAJUK : PELUANG PEKERJAAN

4. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Nyatakan statistik peluang pekerjaan yang tersedia di Selangor dari 2017-2019.
 - Apakah inisiatif Kerajaan Negeri bagi membantu anak muda memperoleh kerja?
 - Nyatakan peratusan kadar pengangguran di Selangor dari 2017-2019.

JAWAPAN:

- Berdasarkan majikan yang berdaftar dan mengiklankan kekosongan jawatan melalui Portal JosbMalaysia, statistik peluang pekerjaan yang tersedia di Selangor dari 2017 hingga 2019 adalah seperti berikut:

KATEGORI PEKERJAAN	2017	2018	2019	JUMLAH KEKOSONGAN
Pengurus	4,319	674	2,764	7,757
Profesional	7,257	3,804	6,062	17,123
Juruteknik & Profesional Bersekutu	4,259	5,455	10,710	20,424
Pekerja Sokongan Pengkeranian	4,244	2,358	3,671	10,273
Pekerja Perkhidmatan & Jualan	20,435	10,444	10,369	41,248
Pekerja Mahir Pertanian, Perhutanan, Penternakan & Perikanan	1,949	290	196	2,435
Pekerja Kemahiran & Pekerja Pertukangan yang Berkaitan	10,747	8,218	7,076	26,041
Opertor Mesin, Loji & Pemasang	46,701	31,958	36,525	115,184
Pekerja Asas	291,457	222,517	134,847	648,821
JUMLAH	391,368	285,718	212,220	889,306

- b) Dalam usaha bagi membantu anak muda mendapatkan pekerjaan, Kerajaan Negeri Selangor melalui *Invest Selangor* telah melaksanakan inisiatif berkaitan bagi menarik pelaburan yang berpotensi dengan mengambil pendekatan dasar terbuka bagi meneruskan kecemerlangan pertumbuhan ekonomi negeri. Sejak penubuhan, *Invest Selangor* telah berjaya menarik lebih daripada 5,104 projek perkilangan di Selangor. Secara tidak langsung bertanggungjawab untuk mewujudkan peluang pekerjaan yang luas dan menarik kepada belia Selangor khususnya kepada golongan siswazah.

Kerajaan Negeri Selangor turut mengambil inisiatif lain dalam menganjurkan program-program tersebut bagi meningkatkan peluang pekerjaan kepada belia Selangor termasuk golongan Siswazah seperti berikut:

i. **Program Karnival Kerjaya - Selangor Job Fair**

Program Karnival Kerjaya - *Selangor Job Fair* merupakan program yang dianjurkan dengan kerjasama Jabatan Tenaga Kerja Selangor (JTK) dan Job Malaysia Selangor. Program yang dilaksanakan dua (2) kali setahun ini telah diperkenalkan sejak tahun 2015, merupakan platform bagi menghimpunkan majikan-majikan di negeri Selangor dengan menawarkan pelbagai peluang pekerjaan kepada rakyat Selangor khususnya kepada golongan belia. Program ini merupakan salah satu inisiatif Kerajaan Negeri Selangor untuk mengurangkan kadar pengangguran. Selain itu, membantu syarikat-syarikat yang memerlukan tenaga kerja dengan mengutamakan penglibatan warga tempatan berbanding warga asing. Pengisian program ini ialah temuduga terbuka bagi mengisi kekosongan jawatan dari peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) hingga Ijazah. Selain itu, terdapat sesi perkongsian informasi, taklimat dan penerangan agensi, pameran jabatan/agensi luar dan peluang keusahawanan.

ii. **Pendidikan Kemahiran dan Vokasional**

Menyediakan pendidikan kemahiran dan vokasional di Kolej INPENS dengan yuran yang berpatutan bagi belia yang kurang berkemampuan tetapi masih ingin meneruskan pembelajaran tanpa mempunyai latar belakang pendidikan cemerlang. Inisiatif Kerajaan Negeri Selangor ini telah menyediakan peluang pendidikan kemahiran dan vokasional dan pembiayaan pelajaran berdasarkan kelayakan pemohon.

iii. **Program Latihan Rangsangan Kerjaya Rakyat Selangor (RKRS)**

Program Latihan Rangsangan Kerjaya Rakyat Selangor (RKRS) iaitu sebuah program latihan keusahawanan dalam melalui kursus dalam bidang-bidang seperti berikut:

- Kursus Keusahawanan Penternakan (Ruminan & Unggas)

- Kursus Pemantapan Pemantauan Keusahawanan
- Kursus Percetakan Segera Pentaulahan Sijil SKM Tahap 3: Peserta Urutan Selepas Bersalin
- Kursus Keusahawanan Penternakan
- (Makanan ternakan dan Rancangan Perniagaan)
- Kursus *Soft Skills* Usahawan Penternakan & Pengurusan Kewangan (Online)
- Kursus Keusahawanan Penternakan (Sembelihan Halal & Penyediaan Makanan (BBQ)
- *Mobile Service Aircond*
- Cuci Kasut
- Mobile Barber
- Ayam Gunting
- Terapi Bekam
- Bakery
- *Mobile Spa*
- Dekorasi Pelamin
- Kiosk Sate

Program ini yang diberikan secara percuma merangkumi beberapa kategori iaitu belia, suri rumah, pesara dan ibu tunggal. Pada tahun 2011 hingga 2018, terdapat 3,248 orang peserta yang telah terpilih untuk menyertai Program Latihan Rangsangan Kerjaya Rakyat Selangor (RKRS). Daripada jumlah tersebut, seramai 2,436 orang peserta (75%) telah berjaya menjana pendapatan melalui program tersebut. Purata pendapatan bulanan mencatatkan jumlah tertinggi bagi purata pendapatan berjumlah RM500 - RM2,000 sebulan melalui 1,712 orang peserta (52.71%).

iv. Program Inisiatif Kemahiran Teknikal & Ikhtisas Smart Selangor (IKTISASS)

Pada tahun 2018, Program Inisiatif Kemahiran Teknikal dan Ikhtisas Smart Selangor (IKTISASS) telah diperkenalkan oleh YAB Dato' Menteri Besar Selangor, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali sewaktu Belanjawan 2018 Negeri Selangor. Pada tahun 2019, Kerajaan Negeri Selangor akan memberi pembiayaan kepada 1,000 belia Selangor dalam pelbagai bidang kemahiran berimpak tinggi. Program kemahiran ini menawarkan pelbagai latihan teknikal dan vokasional yang memberi fokus kepada lima bidang utama dalam industri iaitu sains hayat, elektrik dan elektronik, jentera dan peralatan, makanan dan minuman serta aeroangkasa. Program ini ditawarkan kepada belia Selangor dalam tempoh tertentu di mana setelah tamat program kemahiran ini,

belia-belia ini akan diserapkan sebagai tenaga mahir di dalam pasaran industri-industri di Selangor.

- c) Berdasarkan Survei Tenaga Buruh (STB) 2018, kadar pengangguran di Selangor ialah 2.8 peratus pada tahun 2018. Kadar pengangguran mengikut strata di Selangor pada tahun 2016 hingga 2018 adalah seperti di Jadual 1.

Jadual 1: Kadar pengangguran mengikut strata di Selangor 2016 hingga 2018

Strata	2016 (%)	2017 (%)	2018 (%)
Malaysia	3.4	3.4	3.3
Selangor	3.2	2.8	2.08
Bandar	3.3	2.8	2.8
Luar Bandar	2.6	2.8	2.9

Maklumat Tambahan

1. Statistik tenaga buruh, guna tenaga dan pengangguran diperoleh daripada Survei Tenaga Buruh (STB) dan merujuk kepada penduduk yang berumur 15-64 tahun semasa minggu rujukan.
2. STB merupakan kajian sampel kebarangkalian yang dilaksanakan melalui pendekatan isi rumah untuk mendapatkan maklumat anggaran tenaga buruh dan pengangguran peringkat penduduk. Kajian ini dilaksanakan mengikut piawaian yang ditetapkan badan antarabangsa iaitu International Labour Organization (ILO) yang diguna pakai oleh kebanyakan negara.
3. Menganggur merujuk kepada mereka yang berada dalam tenaga buruh yang tidak bekerja semasa minggu rujukan tetapi bersedia untuk bekerja atau mencari kerja dalam minggu rujukan.
4. Kadar pengangguran ialah perkadaruan penduduk yang menganggur kepada jumlah dalam tenaga buruh.
5. Statistik pengangguran di peringkat terkecil yang diterbitkan adalah di peringkat bandar dan luar bandar mengikut negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN
(N09 PERMATANG)**

TAJUK : PEMBAIKAN DAN PENYELENGGARAAN MASJID ATAU SURAU

5. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah prosedur permohonan untuk pembaikan atau penyelenggaraan masjid atau surau?
- b) Berapakah lama tempoh masa diperlukan untuk memproses suatu permohonan tersebut?

JAWAPAN:

- a) Pembaikan masjid dan surau hendaklah mengemukakan permohonan kepada Pejabat Agama Islam Daerah berkaitan.
- b) Tempoh masa bagi sesuatu permohonan adalah tidak melebihi 30 hari bekerja berdasarkan keupayaan kewangan dan merit.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN
(N09 PERMATANG)**

TAJUK : PERIKANAN

6. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Mengapakah Lesen Perikanan Persisir Pantai yang menggunakan bot-bot kecil dibekukan?
- b) Bilakah ianya akan dibuka semula?

JAWAPAN:

- a) Jabatan Perikanan Malaysia membekukan pengeluaran lesen vesel menangkap ikan bagi Zon A (Tradisional) di seluruh negara berdasarkan kepada hasil kajian yang dilakukan oleh Institut Penyelidikan Perikanan Malaysia (IPP). Kajian sumber perikanan yang dilakukan pada tahun 1970an, 1980an, 1990an dan 2010 di Pantai Barat dan Pantai Timur Semenanjung Malaysia menunjukkan sumber perikanan di Semenanjung Malaysia terutamanya Zon Pantai mengalami kemerosotan dan telah mencapai tahap optima.

Hasil kajian sumber perikanan ini juga menunjukkan bahawa sumber perikanan laut dalam di Pantai Barat Semenanjung Malaysia juga mengalami kemerosotan dan mencapai tahap optima. Oleh yang demikian, Jabatan Perikanan Malaysia juga telah membekukan pengeluaran lesen vesel menangkap ikan bagi Zon B, Zon C, dan Zon C2 di negeri-negeri di Pantai Barat Semenanjung Malaysia.

- b) Jabatan Perikanan Negeri Selangor sehingga kini tidak menerima apa-apa arahan atau makluman daripada Ketua Pengarah Perikanan Malaysia mengenai pembukaan bagi permohonan lesen batu bagi Zon A (Tradisional).

SISIPAN TAMBAHAN

- Rujuk seperti di helaian selanjutnya

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI
(N46 PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : PENIAGA WARGA ASING

7. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Apakah perancangan Kerajaan Negeri dalam membendung masalah peniaga warga asing yang menggunakan lesen warga tempatan?
 - Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk mewujudkan satu garis panduan baru bagi pemohon lesen perniagaan bagi mengatasi masalah penyalahgunaan lesen bermiaga oleh warga asing?

JAWAPAN:

- PBT boleh mengambil tindakan mengeluarkan notis Penamatian atau Pembatalan Lesen Perniagaan kepada pemilik lesen yang menyewakan lesen serta premis kepada warganegara asing serta operasi sitaan barang juga akan dilakukan oleh pihak penguatkuasaan.

Selain itu, bagi membendung masalah peniaga warga asing yang menggunakan lesen warga tempatan, PBT menjalankan tindakan pemantauan secara berterusan dan melaksanakan operasi bersepadu bersama pihak Imigresen ke atas tapak-tapak penjaja dan premis perniagaan.

- Buat masa ini, Kerajaan Negeri belum bercadang untuk mewujudkan satu garis panduan baru bagi pemohon lesen perniagaan bagi mengatasi masalah penyalahgunaan lesen bermiaga oleh warga asing. Setakat ini, PBT masih menggunakan Undang-undang Kecil (UUK) dan garis panduan sedia ada. Sebarang pindaan Undang-undang Kecil (UUK) atau Garis Panduan berkaitan penyalahgunaan lesen bermiaga oleh warga asing adalah tertakluk kepada keputusan Kerajaan Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI
(N46 PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : KLUSTER INDUSTRI SOKONGAN PELABUHAN DAN MARITIM

8. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sejauh manakah usaha penyelarasan bidang kuasa PBT dan Pihak Berkuasa Pelabuhan dari aspek penyediaan dan penyelenggaraan infrastruktur dan kemudahan asas di bawah Kluster Industri Sokongan Pelabuhan dan Maritim di Pelabuhan Klang?

JAWAPAN:

- a) Memastikan koordinasi dan kerjasama secara berkala antara agensi terlibat di dalam membincangkan isu kemudahan infrastruktur dan kemudahan asas khususnya di kawasan Pelabuhan Klang, JKR persekutuan dan Negeri serta pihak Majlis Perbandaran Klang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI
(N46 PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : KAD PEDULI SIHAT (KATEGORI KHAS)

9. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri masih mengekalkan kategori khas Kad Peduli Sihat?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, kategori khas bagi pemegang Kad Peduli Sihat akan tetap diteruskan sehingga penghujung tahun 2019. Bermula Januari 2020, pemegang Kad Peduli Sihat di bawah kategori khas perlu mengemukakan permohonan melalui DUN mengundi masing-masing untuk melayakkan mereka menikmati faedah Skim Peduli Sihat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI
(N46 PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : ISU KEMALANGAN AKIBAT KEBAKARAN

10. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Berapa kes kebakaran yang berlaku mengikut daerah, kes kematian dan puncanya?
 - Apakah usaha Kerajaan bagi mengatasi masalah kebakaran akibat litar pintas?
 - Apakah garis panduan dan kekerapan pemeriksaan berkala dilakukan oleh pihak berwajib terhadap kilang-kilang memproses produk beracun dan gas-gas merbahaya?

JAWAPAN:

- a) Statistik Tahun 2019 (sehingga Oktober 2019)

Jumlah kebakaran : 7195

Jumlah kematian : 25

Bil	Zon	Jumlah kebakaran
1.	Shah Alam	935
2.	Petaling	1022
3.	Klang	1486
4.	Hulu Langat	1059
5.	Selangor Selatan (KLIA)	1101
6.	Hulu Selangor	839
7.	Selangor Utara (Sekinchan)	753

Bil	Punca	Jumlah
1.	Elektrik	25
2.	Puntung Rokok	15
3.	Percikan Api	19
4.	Mercun/Bunga Api	1
5.	Ubat Nyamuk/Lilin/Colok	5
6.	Dapur Gas/Minyak	43
7.	Reaksi Spontan	11
8.	Sengaja Dibakar	169
9.	Tidak Diketahui	12

Bil	Punca	Jumlah
10.	Tindak Balas Kimia	0
11.	Mancis Api	9
12.	Lain-Lain Punca	6697

- b) Usaha kerajaan bagi mengatasi masalah kebakaran akibat litar pintas ialah:
- i. Kempen kesedaran kepada orang awam
 - ii. Edaran Brochure/ Risalah tentang keselamatan kebakaran

JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SELANGOR

- c) Jabatan Alam Sekitar menjalankan pemeriksaan berkala terhadap premis-premis yang tertakluk di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan tindakan akan diambil berdasarkan kepada akta tersebut dan *standard operating procedure* (SOP) yang telah ditetapkan. Kekerapan pemeriksaan berkala adalah berdasarkan kepada perancangan di awal tahun dan kekerapan tersebut akan ditambah berdasarkan kepada keperluan operasi penguatkuasaan bersepada serta aduan yang diterima.

SEKSYEN PIHAK BERKUASA TEMPATAN, UPEN

- c) Untuk makluman, PBT tidak mempunyai satu garis panduan khusus untuk menjalankan pemeriksaan terhadap kilang-kilang yang memproses produk beracun dan gas-gas merbahaya kerana pemantauan ini dilaksanakan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS). PBT tidak mempunyai sebarang kepakaran dan kelengkapan di dalam menjalankan pemeriksaan berkaitan produk beracun dan gas-gas merbahaya. Sekiranya terdapat aduan, ia terus dirujuk ke JAS untuk semakan lanjut.

Walau bagaimanapun, PBT sentiasa menjalankan pemantauan terhadap kilang berisiko berdasarkan lesen yang dikeluarkan oleh PBT masing-masing.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI
(N46 PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : SELANGOR MARITIME GATEWAY

11. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
 - a) Apakah status terkini usaha pemuliharaan Sungai Klang menerusi Projek Selangor Maritime Gateway (SMG)?
 - b) Apakah tahap kualiti air Sungai Klang semenjak tahun 2014 sehingga kini?

JAWAPAN:

- a) Kerja-kerja pembersihan masih giat dilaksanakan di bawah projek SMG. Sehingga kini, statistik kutipan sampah mencatatkan penurunan sebanyak kira-kira 35% iaitu dengan purata sebanyak 1,400 tan sebulan yang dicatatkan pada tahun 2016 & 2017 kepada 900 tan sebulan pada masa kini.

Pihak Landasan Lumayan Sdn Bhd (LLSB) telah menjalinkan kerjasama dengan sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang berpengkalan di The Netherlands iaitu The Ocean Cleanup (TOC) pada April 2019 yang lalu. Objektif utama kerjasama ini adalah untuk meningkatkan lagi kecekapan operasi pembersihan di Sungai Klang dengan pengaplikasian teknologi terkini daripada pihak TOC iaitu The Interceptor, yang kini sudah mula beroperasi di kawasan Pengkalan Batu, Klang pada pertengahan Ogos 2019. Kerjasama ini juga telah menunjukkan bahawa projek SMG telah mendapat pengiktirafan di peringkat antarabangsa.

Dua (2) daripada lima (5) projek pemangkin di bawah fasa 1, Projek Pembangunan Selangor Maritime Gateway (SMG) iaitu projek penambahbaikan Taman Awam Pengkalan Batu dan pembangunan Mangrove Point telah mula dilaksanakan masing-masing pada bulan Julai dan Ogos 2019 yang lalu dan dijangka siap menjelang suku ke-2 tahun 2020. Tiga (3) lagi projek komersil yang lain iaitu pembangunan Grand Bazaar, Cultural Village & Retreat Resort serta projek pemuliharaan bekas tapak pelupusan sampah di Telok Kapas akan bermula menjelang suku-1 tahun 2020. Kelima-lima projek ini akan mewujudkan satu ekosistem perniagaan yang baharu dan kondusif di kawasan-kawasan yang terlibat dan seterusnya akan mengangkat Sungai Klang sebagai kawasan tumpuan pembangunan dan pelancongan yang baru di Selangor, khususnya di kawasan Klang.

- b) Sebelum kerja-kerja pembersihan di Sungai Klang dilaksanakan, tahap kualiti air di Sungai Klang berada dalam kategori kelas lima. Kini, kualiti air di Sungai Klang berjaya dipulihkan pada kelas IV dan III secara purata di bawah projek pembangunan SMG.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI
(N46 PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : SKIM USAHAWAN MIKRO KREDIT

12. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Berapakah jumlah pemohon Skim Usahawan Mikro Kredit sejak tahun 2014 sehingga kini?
 - Berapa ramai pemohon yang telah berjaya dan telah mendapat bantuan tersebut?
 - Berapakah jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan sejak tahun 2014 sehingga kini?

JAWAPAN:

- Jumlah pemohon Skim Usahawan Mikro Kredit sejak tahun 2015 sehingga Ogos 2019 adalah sebanyak 47,232 peserta dengan bilangan pinjaman sebanyak 61,196.
- Pemohon yang telah berjaya dan telah mendapat bantuan tersebut adalah sebanyak 46,352 peserta.
- Jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan sejak tahun 2015 sehingga Ogos 2019 adalah sebanyak RM459,287,500.00.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI
(N46 PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : MERANCAKKAN EKONOMI PEKAN PELABUHAN KLANG

13. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk merancakkan aktiviti ekonomi di Pekan Pelabuhan Klang?

JAWAPAN:

- a) Berikut merupakan diantara cadangan/ perancangan Majlis Perbandaran Klang untuk merancakkan aktiviti ekonomi di Pelabuhan Klang:-
- i) Cadangan membuat pembangunan semula ke atas kawasan-kawasan "greenfield" samada pembentukan kawasan perniagaan bertema dan memperkenalkan pelan pembangunan semula yang komprehensif.
 - ii) Cadangan menambahbaik kemudahan perkhidmatan dan kemudahan asas :-
 - a) Cadangan sistem pengangkutan awam yang efisien.
 - b) Cadangan sistem jaringan pejalan kaki dan basikal yang selamat.
 - c) Penyediaan ruang "pocket" untuk berehat.
 - d) Penyediaan kemudahan OKU.
 - e) Cadangan sistem jaringan jalan yang selesa dan selamat.
 - f) Penyediaan tempat letak kereta yang mencukupi.
 - iii) Menggalakkan k-ekonomi di pusat pertumbuhan strategik.
 - iv) Mengambilkira kawasan Pusat Bandar Pelabuhan di dalam Penggantian Rancangan Tempatan Klang 2035 dengan menyediakan Pelan Induk yang lebih terperinci dengan melibatkan penyertaan pemilik-pemilik bangunan dalam kaedah pembangunan semula.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI
(N46 PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : PENYELESAIAN MASALAH VANDALISME TERHADAP INFRASTRUKTUR KERAJAAN

14. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha Kerajaan Negeri dalam menyelesaikan masalah vandalisme terhadap infrastruktur milik kerajaan seperti lampu dan perabot jalanraya?

JAWAPAN:

a) Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah melaksanakan pelbagai usaha dalam menyelesaikan masalah vandalisme terhadap infrastruktur milik kerajaan terutama seperti lampu jalan dan perabot jalanraya. Antara usaha yang telah dilaksanakan adalah:

- i) mengadakan kempen kesedaran kepada orang awam melalui media cetak dan media elektronik secara besar-besaran berkenaan hukuman atau denda yang boleh dikenakan kepada pesalah vandalisme iaitu denda RM1,000.00 bagi setiap kesalahan berdasarkan Undang-Undang Kecil Vandalisme 2005;
- ii) memasang CCTV di kawasan *hotspot* yang sering terjadi vandalisme dan melaporkan pesalah kepada pihak berkuasa untuk di ambil tindakan yang tegas serta membuat hebahan kepada orang awam sebagai teladan;
- iii) menggunakan sejenis lapisan cat *anti-stick* yang boleh membantu mengelakkan kejadian vandalisme pada perabot jalanraya dan papan tanda amnya;
- iv) menggunakan cecair/sapuan cat jenis *sticker removal* untuk menanggalkan *sticker* haram pada papantanda jalan/trafik dan pondok bas;
- v) penutup longkang pada laluan pejalan kaki tidak lagi menggunakan penutup jenis besi atau fiber (FRP) dan digantikan dengan penutup jenis *compress concrete slab*; dan
- vi) tiang lampu jalan (*service door*) ditinggikan kepada 1.8 meter untuk mengelakkan kecurian kabel.

Namun, terdapat juga PBT yang menghadapi masalah vandalisme yang tinggi disebabkan keadaan geografi dan ekonomi kawasan sekeliling contohnya di Daerah Hulu Selangor yang menggalakkan aktiviti vandalisme kerap berlaku. Antara punca vandalisme ini kerap berlaku adalah dengan adanya kawasan pembangunan yang telah dibina tetapi terbiar kerana tidak dihuni serta kawasan kurang dilalui orang awam menyebabkan aktiviti ini sukar dibelenggu. Walau bagaimanapun, PBT tetap berusaha untuk mengkaji alternatif yang sesuai dan terbaik supaya kemudahan awam yang disediakan tidak menggunakan bahan yang tidak bernilai bagi aktiviti vandalisme.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI
(N46 PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : SKIM DANA USAHAWAN KAUM INDIA

15. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
 - a) Apakah rekod kejayaan Skim Dana Usahawan India semenjak dari tahun 2017 sehingga kini?
 - b) Apakah perancangan Kerajaan Negeri bagi meningkatkan taraf hidup dan ekonomi kaum India?

JAWAPAN:

- a) Dana Usahawan India Selangor (DUIS) belum dilaksanakan pada tahun 2017 dan ianya masih dalam proses pelaksanaan selepas mendapat kelulusan daripada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (MMKN) Ke 23/2019 bertarikh 14 Ogos 2019 iaitu Pemberian GERAN Bantuan Alatan ke atas peniaga yang telah mulakan perniagaan dengan kerjasama Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Selangor.

Pemberian GERAN ini bernilai maksimum RM10,000.00 bagi setiap permohonan yang mana permohonan boleh dibuat melalui Pejabat Tanah dan Daerah (PDT) dan diurus selia oleh pihak Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) serta Hijrah.

Untuk makluman Yang Berhormat, setakat September 2019 sebanyak 884 permohonan GERAN telah diterima oleh pihak Pengurusan SITHAM dan kesemua permohonan tersebut masih dalam proses penelitian akhir yang mana hanya 180 penerima GERAN yang layak sahaja akan dipilih untuk tahun 2019. Pemilihan ini adalah berdasarkan peruntukan bagi Pemberian Geran sebanyak RM156,000.00 yang telah diluluskan oleh MMKM ke 23/2019.

- b) Majlis Mesyuarat Negeri Ke 23/2019 pada 14 Ogos 2019 telah menimbangkan dan meluluskan penganjuran Program Pembangunan Usahawan India di Negeri Selangor 2019 dengan kos berjumlah RM579,000.00 menggunakan Peruntukan Pembangunan P01-03003 Latihan Usahawan Mikro.

Kelulusan tersebut adalah bagi pelaksanaan program serta kursus yang dapat membantu menaik taraf hidup usahawan India seperti berikut:

BIL.	PROGRAM/KURSUS	PERINCIAN
1.	Latihan Pembangunan Usahawan	Memberi latihan asas kepada usahawan India untuk mempelajari teknik menambah jualan dan memahami keperluan terkini dalam perniagaan.
2.	Kursus Kemahiran & Pembuatan (Jangka masa pendek)	Memberi latihan secara ‘One Off’ kepada peserta yang tidak mempunyai sebarang kemahiran perniagaan dan pembuatan.
3.	GROW (Program Bimbingan Perniagaan)	Memberi bimbingan dan perniagaan kepada usahawan yang baru berkecimpung dalam perniagaan oleh mentor yang berpengalaman.
4.	GERAN (Bantuan Peralatan Perniagaan)	Memberi Geran Bantuan Peralatan kepada usahawan yang telah mempunyai perniagaan sendiri.

Objektif utama pelaksanaan empat (4) program atau latihan tersebut adalah seperti berikut:

- i) Untuk melahirkan usahawan India yang berpengetahuan sifar kepada usahawan berkemahiran untuk mengusahakan perniagaan berskala kecil;
- ii) Memastikan golongan sasaran dapat menaik taraf kehidupan dan ekonomi menerusi penjanaan pendapatan melalui kemahiran sendiri; dan
- ii) Sebagai medium kepada masyarakat India yang berpotensi untuk meningkatkan daya saing melalui latihan keusahawanan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI
(N46 PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : SKIM AIR DARUL EHSAN

16. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk membuka permohonan Skim Air Darul Ehsan sepanjang tahun?
 - Apakah mekanisme Kerajaan Negeri dalam menentukan pemohon yang sudah tidak layak lagi untuk menerima air percuma kerana berlaku peningkatan pendapatan pemohon?

JAWAPAN:

- dan b)

Buat masa ini, Kerajaan Negeri bersetuju selepas penguatkuasaan Skim Air Darul Ehsan pada 01 Mac 2020, data penerima akan disemak setiap dua (2) tahun sekali dan seterusnya secara tahunan (*yearly basis*). Justeru itu, pemohon perlu mendaftar semula selepas dua tahun sekiranya mahu terus menikmati Skim Air Darul Ehsan ini. Sekiranya pada ketika permohonan baru dikemukakan, Kerajaan Negeri mendapati terdapat peningkatan pendapatan pengguna yang mana melebihi RM4,000 sebagaimana yang telah ditetapkan di dalam syarat permohonan, maka permohonan pengguna tersebut akan ditolak.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN BORHAN BIN AMAN SHAH
(N54 TANJUNG SEPAT)**

**TAJUK : PENGESAHAN RASMI DARI AHLI DEWAN NEGERI BAGI PROJEK
MENAIKTARAF DAN MEMBAIKPULIH INFRASTRUKTUR SUKAN DI
KAWASAN DEWAN NEGERI SELANGOR BAGI TUJUAN SEMAK
DAN IMBANG**

17. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Mengapakah tiada pengesahan rasmi dari Ahli Dewan Negeri kepada pihak Seksyen Sektoral Unit Perancangan dalam proses mengemukakan senarai cadangan kerja-kerja baikpulih infrastruktur sukan di kawasan Dewan Negeri?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, program pemberian kemudahan sukan di peringkat Dewan Negeri adalah bagi memastikan kemudahan sukan yang telah rosak dapat dinaiktaraf untuk digunakan oleh masyarakat setempat sebagai tempat untuk menjalankan aktiviti-aktiviti kesukaran dan riadah ke arah melahirkan masyarakat yang sihat, aktif dan berdaya saing.

Pada tahun 2019, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM40,000.00 kepada setiap Dewan Negeri bagi Projek Menaiktaraf dan Membaikpulih Kemudahan Sukan.

Pemilihan untuk kelulusan projek ini adalah mengikut tahap kerosakan yang terdapat pada kemudahan tersebut. Berdasarkan amalan semasa, pihak DUN akan mengemukakan permohonan untuk projek menaiktaraf dan baikpulih kemudahan sukan kepada pihak Pejabat Daerah dan Tanah untuk diangkat ke peringkat Kerajaan Negeri.

Proses Kerja untuk pertimbangan Cadangan Kerja-Kerja Penyelenggaraan Kemudahan Sukan peringkat Dewan Negeri adalah sebagaimana jadual berikut:-

BIL.	PROSES KERJA	TINDAKAN	CATATAN
1.	Ahli Dewan Negeri (ADN) atau Pusat Khidmat Masyarakat (PKM) mengemukakan senarai permohonan Projek Membaikpulih dan Menaiktaraf	Pejabat ADN atau PKM	

BIL.	PROSES KERJA	TINDAKAN	CATATAN
	Infrastruktur Sukan kepada Pejabat Daerah dan Tanah (PDT)		
2.	PDT mengemukakan permohonan projek kepada pihak Seksyen Sektoral untuk mendapat kelulusan (Beserta <i>Bill of Quantity</i> (BQ) yang lengkap)	Pejabat Daerah dan Tanah (PDT)	Merujuk kepada BQ yang ditetapkan oleh pihak Majlis Sukan Negeri Selangor (MSNS)
3.	Menerima permohonan lengkap daripada PDT		
4.	Meneliti dan membuat semakan permohonan yang diterima daripada pihak yang berkenaan	Seksyen Sektoral	
5.	Menyediakan Minit Sokongan kepada YB EXCO untuk kelulusan projek		
6.	Menyediakan Minit Ceraian untuk mendapat kelulusan penyaluran Waran kepada semua PDT bagi peruntukan ADN sebanyak RM40,000.00 dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM2,240,000.00	Seksyen Sektoral	Sumber peruntukan :- i. 1/3 daripada 30 peratus (%) jumlah peruntukan Projek Kecil di bawah peruntukan Y.B. Ahli Dewan Negeri ii. RM40,000.00 daripada peruntukan P01-07002 (Menaiktaraf Infrastruktur Sukan)
7.	Mengeluarkan Surat Kelulusan Berbelanja kepada PDT yang berkenaan		
8.	PDT perlu memohon kelulusan Perbendaharaan Negeri untuk pembayaran melebihi RM50,000.00 bagi setiap satu projek kecil pembangunan.	Pejabat Daerah dan Tanah (PDT)	Berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan Bil 1 Tahun 2019 – Garis Panduan Penggunaan Peruntukan Ahli Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri dan Ahli Dewan Negeri Selangor
9.	Memproses perolehan secara Sebut Harga dan mematuhi dasar serta tatacara perolehan yang sedang berkuat kuasa		Berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PK 2.1 – Kaedah Perolehan Kerajaan dalam perkara 7 (iii)
10.	Menerima Surat Setuju Terima (SST) dan <i>Bill of Quantity</i> (BQ) daripada		Penyaluran peruntukan berdasarkan kos sebenar

BIL.	PROSES KERJA	TINDAKAN	CATATAN
	Jabatan berkenaan untuk tujuan penyaluran peruntukan		pada SST
11.	Menyediakan surat pemakluman penyaluran peruntukan kepada Jabatan berkenaan	Seksyen Sektoral	
12.	Memproses bayaran bagi kerja-kerja yang dilaksanakan oleh Kontraktor yang dilantik	Pejabat Daerah dan Tanah (PDT)	
13.	Mendapatkan Laporan Projek yang telah siap daripada Jabatan berkenaan	Seksyen Sektoral	

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN BORHAN BIN AMAN SHAH
(N54 TANJUNG SEPAT)**

TAJUK : TEMPOH KELULUSAN PERMOHONAN BANTUAN SIHAT SELANGOR

18. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Untuk Bantuan Sihat Selangor, adakah Kerajaan Negeri Selangor mengambil langkah penambahbaikan untuk mengurangkan tempoh masa pemprosesan permohonan yang kebiasaannya mengambil masa terlalu lama?

JAWAPAN:

- a) Sejak program Bantuan Sihat Selangor diperkenalkan pada tahun 2017, purata permohonan setiap tahun adalah berjumlah 7000 permohonan. Setiap permohonan perlu melalui beberapa siri saringan dan semakan sebelum diluluskan. Buat masa sekarang, segala urusan permohonan dan pemprosesan Bantuan Sihat Selangor dikendalikan sepenuhnya oleh Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan (SPBT), Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN). Kelewatan proses permohonan kebiasaannya disebabkan oleh faktor-faktor seperti berikut:
- i. Maklumat atau borang tidak lengkap;
 - ii. Permohonan yang meragukan; dan
 - iii. Jumlah permohonan yang terlalu tinggi pada setiap bulan berbanding kakitangan.

Bagi mempercepatkan urusan permohonan, Kerajaan Negeri berhasrat untuk menyerahkan pengendalian Bantuan Sihat Selangor (BSS) kepada pihak ketiga seperti mana program Skim Peduli Sihat (SPS) dan program Kasih Ibu Smart Selangor (KISS). Perbincangan terma dan syarat bersama pihak ketiga sedang berjalan dan akan dimuktamadkan setelah Kerajaan Negeri dan pihak ketiga mencapai kata sepakat.

Buat masa kini SPBT, UPEN akan memproses permohonan Bantuan Sihat Selangor berdasarkan Prosedur Kendalian Standard (SOP) yang berkuatkuasa.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN BORHAN BIN AMAN SHAH
(N54 TANJUNG SEPAT)**

**TAJUK : MAKLUMAN DAN PENGESAHAN RASMI BERKAITAN PELAKSANAAN
KERJA-KERJA OLEH PIHAK KONTRAKOR LANTIKAN PEJABAT
DAERAH DARI PENGERUSI MPKK DI KAWASAN KAMPUNG BAGI
TUJUAN PEMANTAUAN**

19. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Mengapakah tiada pemakluman dari pihak kontraktor Pejabat Daerah kepada Ketua Kampung semasa bermulanya pelaksanaan sesuatu kerja kontrak di kawasan kampung?
- b) Mengapakah pengesahan secara rasmi dari Ketua Kampung untuk memastikan kerja-kerja kontrak telah siap sepenuhnya tidak dijadikan sebahagian dari prosedur kerja-kerja kontrak yang dijalankan pihak kontraktor Pejabat Daerah di dalam kawasan sesuatu kampung?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Y.B, Pentadbiran ini memberikan sesalinan surat tawaran kerja kontraktor kepada Ketua Kampung setiap kali kontraktor dilantik bagi sesuatu kerja. Salinan surat ini meliputi semua kerja-kerja yang dilaksanakan di bawah peruntukan Kerajaan Negeri dan peruntukan Ahli Parlimen. Selain itu, lawatan tapak juga dibuat terlebih dahulu di antara kontraktor, Ketua Kampung dan Penolong Jurutera kawasan sebelum kontraktor memulakan kerja.
- b) Pengesahan secara rasmi dari Ketua Kampung setelah sesuatu kerja kontrak disiapkan bukan merupakan salah satu dokumen yang disyaratkan dalam garis panduan/ senarai semak berkaitan tuntutan bayaran oleh pihak kontraktor yang dikeluarkan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR). Sekiranya perkara ini hendak dilaksanakan, garis panduan tersebut perlu disemak semula oleh pihak JKR untuk dilaksanakan dalam semua kerja yang akan datang. Walau bagaimanapun, Penolong Jurutera yang menyelia sesuatu projek mempunyai kelayakan yang mencukupi dalam mengesahkan bahawa projek yang telah disiapkan mematuhi spesifikasi/ kontrak kerja yang telah ditetapkan oleh jabatan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT
(N14 RAWANG)**

TAJUK : PENJAWAT AWAM

20. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah bilangan penjawat awam bawah Negeri Selangor dengan perbandingan tahun yang lepas?
- b) Apakah langkah untuk peningkatan bilangan penjawat awam yang makin tinggi dengan menggunakan teknologi baru?

JAWAPAN:

- a) Berdasarkan rekod yang diperolehi, berikut adalah pecahan jumlah penjawat awam di Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor mengikut tahun 2018 dan 2019 (sehingga Jun 2019):

BIL	TAHUN	TETAP	KONTRAK	JUMLAH KESELURUHAN
1.	2018	17,305	5,759	23,064
2.	2019 (Sehingga Jun 2019)	17,183	5,884	23,067

- b) Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor menerima pakai Dasar Kawalan Saiz Perkhidmatan Awam yang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan mulai tahun 2018 dalam mengawal bilangan penjawat awam khususnya Lantikan Tetap di Negeri Selangor.

Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor juga menekankan penggunaan sumber manusia secara optimum pada semua Jabatan/agensi. Antara lain dengan memperkasa penggunaan teknologi melalui pelaksanaan inovasi, pewujudan sistem dan aplikasi serta penggunaan mesin-mesin dalam pelaksanaan tugas. Inisiatif ini dapat memudahkan tugas sehari-hari penjawat awam serta memudahkan orang awam untuk berurusan dengan Jabatan/agensi kerajaan.

Selain itu juga, dalam memastikan peningkatan kemahiran (soft skill) dan kompetensi penjawat awam seiring dengan perkembangan teknologi baharu dan bagi memenuhi keperluan masa kini, pelbagai kursus dan latihan telah disediakan oleh Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor. Antaranya

dengan melaksanakan latihan-latihan yang menyokong dasar “Being Digital” seperti pelaksanaan Program Pengurusan Perubahan *Digital Government Competency and Capability Readiness* (DGCCR) di kalangan penjawat awam Negeri Selangor. Program DGCCR ini antara lain bertujuan meningkatkan kemahiran digital penjawat awam dalam menjalankan tugas sehari-hari dengan menggabungkan kemahiran multidisiplin lain untuk memberikan perkhidmatan awam yang terbaik kepada rakyat.